

**Rakyat Malaysia Di Luar Negara Mahu Turut Mengundi
Bernama
16 Mei, 2012
Oleh Ahmad Shukran Shahrudin**

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Kebanyakan rakyat Malaysia di luar negara yang begitu berminat untuk mengundi pada pilihan raya umum ke-13 jika dibenarkan berbuat demikian, berharap SPR menyediakan proses dan mekanisme pengundian yang telus serta terjamin keselamatannya untuk mengelak wujudnya pelbagai tuduhan, termasuk penipuan.

Rakyat Malaysia, yang tinggal di luar negara untuk bekerja atau melanjutkan pengajian, amat berharap bahawa sebagai warganegara, mereka turut diberi peluang menunaikan hak mengundi, berikutan tertubuhnya Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya.

"Langkah itu memang baik kerana ia akan membolehkan setiap warganegara menunaikan hak mereka. SPR perlu lebih telus dan langkah itu tidak sepatutnya menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pemilih dan parti politik yang terlibat," kata Hanif Mohamed Talha, 40, yang tinggal di Newcastle sejak empat tahun lepas.

Jurufoto yang mendirikan rumah tangga dengan pelajar peringkat PhD Norfadzlinda Ishak ini memberitahu Bernama melalui email bahawa SPR perlu memastikan mekanisme pengundian terjamin sepenuhnya dari segi keselamatan untuk mengelak penipuan dan penyelewengan.

Akmar Ismail, 38, yang mengikuti pengajian peringkat PhD di Victoria University of Wellington berkata memberi peluang kepada rakyat Malaysia di luar negara untuk mengundi akan menanam semangat patriotik di hati mereka dan mengingatkan mereka tentang asal usul masing-masing, selain mendorong mereka untuk bersikap peka tentang perkembangan yang berlaku di tanah air.

"Apabila anda mengundi, tentu anda mengharapkan sesuatu yang baik; manfaat untuk rakyat, daripada parti yang anda undi. Walaupun tidak hadir secara fizikal, tapi anda ada ibu bapa, adik, abang, ibu saudara dan bapa saudara di tanah air, yang mungkin mendapat manfaat daripada undi yang anda beri. Anda melihat apa yang ditawarkan oleh kerajaan yang memerintah," katanya.

Pengerusi SPR Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof dipetik sebagai berkata beliau tidak mencadangkan syarat agar hanya rakyat Malaysia di luar negara yang membayar cukai sahaja dibenarkan mengundi secara pos, tetapi mungkin terdapat beberapa peraturan lain yang perlu diperhalusi.

Antaranya ialah mereka perlu mendaftarkan diri sebagai pengundi pos untuk melayakkan mereka mengundi dan syarat lain pula mungkin berkaitan tempoh mereka tinggal di luar negara dan sama ada mereka pernah pulang ke tanah air, katanya.

Bagaimanapun, pengerusi jawatankuasa khas itu Datuk Seri Dr Maximus Ongkili berkata rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara tidak mungkin boleh mengundi secara pos pada pilihan raya umum akan datang kerana untuk membolehkan mereka berbuat demikian, undang-undang serta peraturan tertentu perlu dipinda terlebih dahulu.

Pakar tindakan korporat sebuah bank yang berpangkalan di Amerika Khairil Azhar Junos pula berkata kerajaan Malaysia perlu menggalakkan rakyatnya yang tinggal di luar negara

mengundi pada pilihan raya umum akan datang.

"Hubungan antara kerajaan dan individu akan terputus sebaik saja mereka melangkah sempadan untuk tinggal di luar negara," kata Khairil Azhar, yang menetap di Amerika sejak hampir 15 tahun lepas.

"Kini, saya menjadi pemastautin tetap di Amerika. Bagaimanapun, saya tetap bangga menjadi rakyat Malaysia dan sentiasa membaca akhbar Malaysia secara dalam talian untuk mengetahui keadaan terkini di tanah air," katanya.

Beliau juga mencadangkan agar kerajaan memaklumkan kepada rakyat Malaysia di luar negara tentang proses pengundian sedia ada dan mengenai cara untuk menyertainya, sama ada melalui email yang terjamin keselamatannya atau kaedah interaktif lain secara dalam talian.

"Kerajaan wajar memberi ruang kepada setiap warganegara untuk mendaftar secara dalam talian atau sistem pengundian melalui mel dengan menggunakan pasport, MyKad atau sijil kelahiran sebagai bukti, sebaik saja mereka layak mengundi.

"Saya harap saya dibenarkan mengundi untuk menentukan masa depan saya melalui pilihan raya umum akan datang," katanya kepada Bernama melalui email.

Faizul Amin Othman, 41, penolong pengarah F&B di Khaildiya Palace Rayhaan Hotel di Abu Dhabi, yang tinggal di Emiriah Arab Bersatu sejak lima tahun lepas, berkata kebenaran yang diberi kepada rakyat Malaysia di luar negara untuk mengundi pasti akan disambut dengan baik.

"Ia akan menjadi kali pertama saya mengundi sejak meninggalkan kampung halaman saya di Selama, Perak setelah mula bekerja. Tak ada masalah bagi saya untuk mengundi di kedutaan Malaysia atau melakukannya secara dalam talian," katanya ketika ditemui di Abu Dhabi baru-baru ini.

Sementara itu, Anggota Parlimen Hulu Selangor P. Kamalanathan, yang menganggotai jawatankuasa khas berkaitan proses pilihan raya itu berkata perkara berkaitan kemungkinan rakyat Malaysia di luar negara dibenarkan mengundi, termasuk melalui pos, telah dibincang secara panjang lebar.

"Peraturan jelas mengenainya, perlu ada. Sebuah negara yang berjiran dengan kita mempunyai peraturan yang memerlukan rakyatnya pulang ke tanah air selama 30 hari setiap lima tahun untuk melayakkan mereka mengundi.

"Kami bersetuju membenarkan rakyat Malaysia mengundi secara pos, tapi wakil Pembangkang menolaknya," kata beliau.

Kamalanathan berkata Pembangkang tidak benar-benar ikhlas untuk membenarkan rakyat Malaysia mengundi secara pos, contohnya bagi rakyat Sabah dan Sarawak yang bekerja di Semenanjung dan sebaliknya, agar mereka boleh menunaikan hak mengundi.

Beliau berkata wakil Pembangkang dalam jawatankuasa itu menuntut agar rakyat Malaysia di luar negara dibenarkan mengundi, tapi mereka tidak bersetuju golongan itu mengundi secara pos.

"Golongan ini juga, yang tinggal, bekerja dan membayar cukai di Malaysia perlu diberi hak

itu, bukan saja rakyat Malaysia di luar negara," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=666622>